

Headline	Penularan HIV makin serius		
MediaTitle	Sinar Harian (Pahang)		
Date	03 Mar 2017	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	160,000
Page No	36	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	287 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,010
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,030



# Penularan HIV makin serius

Jumlah terlibat seks rambang kini lebih membimbangkan berbanding kongsi jarum suntikan

PEKAN - Kementerian Kesihatan memandang serius penularan jangkitan HIV akibat seks rambang yang semakin membimbangkan berbanding melalui perkongsian jarum suntikan dalam kalangan penagih dadah.

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Hilmi Yahya berkata, Kementerian tersebut berjaya mengurangkan jangkitan HIV melalui penagihan suntikan dadah di bawah Program Pengurangan Mudarat yang dilaksanakan sejak 2006.

Menurutnya, Program Rawatan Methadone dan Pertukaran Jarum diperkenalkan bagi menghalang penularan HIV akibat perkongsian alat suntikan tercemar.

"Namun kini bilangan jangkitan baru dalam kalangan mereka yang terlibat seks rambang pula yang membimbangkan.

"Pihak kementerian mempertingkatkan kerjasama dengan NGO dan sukarelawan bagi mencari serta mengenal pasti kes supaya mereka yang berisiko dijangkiti, mendapatkan rawatan di klinik kesihatan berhampiran.

"Semua klinik kesihatan seluruh negara menyediakan perkhidmatan saringan HIV dan rawatan secara percuma," katanya selepas melancarkan Projek Pengurangan Mudarat Oleh Badan Bukan Kerajaan, di sini, semalam.

Hadir sama, Pengarah

Kesihatan Pahang, Dr Sha'ari Ngadiman, Pengarah Eksekutif Majlis Aids Malaysia (MAM) dan Ketua Sektor HIV/STI/Hep C, Dr Anita Suleiman.

Hilmi berkata, kementerian menasarkankan penurunan 90 peratus kes baru HIV bagi mencapai matlamat kerajaan mengakhiri AIDS di negara ini menjelang 2030.

Menurutnya, usaha diambil ke arah memastikan orang yang hidup dengan HIV mengetahui status kesihatan dan menerima rawatan serta menunjukkan daya tahan virus.

"Sekarang HIV ada rawatan dan ubat yang diberikan kerajaan secara percuma mampu memberi mereka yang dijangkiti menjalani kehidupan seperti biasa tanpa merebak menjadi AIDS," katanya.



Hilmi menyerahkan bantuan dana kepada MAM selaku NGO bagi melaksanakan aktiviti HIV/AIDS di seluruh negara pada majlis pelancaran di Klinik Kesihatan Peramu Jaya, semalam.